

Bentuk badan kawal seni silat Melayu diusahakan

-6 DEC 1974
USAHA untuk menubuhkan sebuah badan pengawal seni silat mungkin dapat dimulakan tidak lama lagi Encik Tang Chee Yuen, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Silat Melayu menyatakan.

Usaha - usaha awal untuk menubuhkan badan itu, katanya, seharusnya boleh dimulai, tetapi jawatankuasanya masih memproses pendaftaran pertubuhan, guru silat dan para pelatih dengan Unit Pengawal Seni Mempertahankan Diri (MACU).

Encik Tang, yang juga menjadi Penolong Pengarah Penggalak dan Latihan Sukan Majlis Sukan Singapura, (SSC) menyatakan demikian dalam mesyuarat jawatankuasanya baru-baru ini.

2) P81
 Katanya: "Tugas jawatankuasa ini untuk memproses semua pendaftaran pertubuhan, guru silat dan para pelatih sudah tiba kepada peringkat akhir.

"Masanya sudah tiba bagi kita untuk memikirkan pula tentang penubuhan badan pengawal silat yang tunggal, dan diwakili oleh semua perwakilan setiap jenis silat Melayu di Republik ini.

Perintis

"Jawatankuasanya akan dibubarkan manakala tertubuh badan pengawal tadi. Bagaimanapun, jawatankuasa ini akan tetap wujud untuk menjadi perintis penubuhan badan tunggal itu kelak," dia menekankan.

Encik Tang menerangkan, pihaknya sedang berusaha mengumpulkan sejarah dan matapelajaran semua jenis seni silat Melayu yang ada di Republik ini. Bantuan dari pakar-pakar seni silat adalah sangat diperlukan agar setiap tindakan yang akan diambil tidak akan salah.

Dalam pengetahuannya, katanya, berpuluh jenis silat Melayu dipraktikkan di sini, tetapi malangnya tidak ada sesuatu penyalarsan yang dibuat agar seni mempertahankan diri itu tidak lenyap.

Dia berharap usaha-usaha yang dijalankan kini akan dapat sambutan yang baik dari segenap peminat seni silat hingga ba-

★ MUKA 8 Ruang 5

Badan seni silat akan diajak berunding

-6 DEC 1974

2) P88
 ★ Dari Muka 1 dan pengawal yang dirancang itu tertubuh dan setanding dengan badan badan pengawal seni mempertahankan diri yang lain.

Badan itu, Encik Tang menerangkan, akan bertanggungjawab bukan setakat pentadbirannya, bahkan juga bertanggungjawab terhadap kemajuan-kemajuan yang akan dicapai oleh setiap pelatihnya.

Encik Tang merasa optimis bahawa badan pengawal itu akan bergerak lancar dengan mengadakan berbagai jenis peragaan setiap tahun mengikut peringkat dan jenis-jenis silat.

Sambil tidak memberi jaminan bila badan itu boleh ditubuhkan, Encik Tang berkata bahawa pihaknya sedia memanggil semua perwakilan seni silat Melayu untuk berunding dan memikirkan bersama keperluan-keperluan segera yang patut dijalankan.

Sementara itu, difahamkan bahawa beberapa buah pertubuhan berdaya Melayu yang mempunyai seksi seni silatnya mungkin akan membekukan kegiatan seni silat mereka berikutan dengan berjalannya kuatkuasa undang-undang sejak 2 Disember lalu.

Pertubuhan - pertubuhan itu menegaskan bahawa seni silat yang dipraktikkan dalam pertubuhannya lebih merupakan pertunjukan budaya.

"Kami tidak mampu untuk membayar lebih \$600 setahun, sedang pihak kami tidak memungut yuran untuk seni silat," seorang pemimpin pertubuhan budaya berkata.

Seni silat: Tak mungkin bayaran daftar dapat dikecuali

10 DEC 1974

2) P88
KEMUNGKINAN-NYA jauh sekali bagi sebarang pertubuhan seni mempertahankan diri, guru - guru atau pelatih - pelatih untuk mendapatkan pengecualian atau pengurangan dari bayaran pendaftaran di bawah Undang - Undang Kawalan Seni Mempertahankan Diri.

Kerana setiap permohonan untuk mendapatkannya haruslah dibuat kepada Pengawal Unit Seni Mempertahankan Diri yang merujukkannya kepada Menteri Hal ehwal Dalam Negeri untuk kelulusan.

Di bawah undang-undang yang baru dikuatkuasakan September lepas, Menteri tersebut mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian kepada sebarang pertubuhan seni mempertahankan diri, guru atau pelatihnya.

Kuasa

Satu sumber unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Hal ehwal Dalam Negeri berkata: "Permohonan untuk mendapatkan pengecualian boleh dibuat tetapi harapan mendapat kelulusannya adalah tipis sekali.

"Kalaulah sebuah pertubuhan dikecualikan daripada membayar wang pendaftaran, pertubuhan lain juga akan membuat permohonan yang sama.

"Bila semua orang membuat permohonan untuk dikecualikan maka akan terserahlah kepada Menteri untuk menentukan siapa yang boleh diberi pengecualian."

Setakat ini, pengecualian diberikan kepada anggota Angkatan Bersenjata Singapura, Pasukan Pengawas dan Pasukan Polis Khas yang menerima latihan dalam seni mempertahankan diri.

Pertubuhan - pertubuhan Silat Melayu berura-ura untuk membuat rayuan kepada Pemerintah supaya mereka dikecualikan daripada membayar yuran atau di-

★ MUKA 8 Ruang 5

Jawatankuasa penasihat dibentuk utk membantu pertubuhan seni silat

10 DEC 1974

2) P88
 ★ Dari Muka 1 kurangkan pembayarannya.

Menurut mereka, seni itu lebih berupa satu corak riadah dan satu cabang kebudayaan dan pertubuhan - pertubuhan Silat tidak bergerak secara perniagaan.

Turut membuat rayuan tentang pembayaran pendaftaran itu ialah sebuah pertubuhan Karate, yang antara lain merayu juga kepada Pemerintah supaya membolehkan pelatih-pelatihnya yang bakal menjadi guru, mengajar pelatih-pelatih lain, sebagai salah satu acara kursus menjadi guru.

Sementara itu Majlis Sukan Singapura telah pun membentuk sebuah jawatankuasa penasihat untuk menolong pertubuhan - pertubuhan Silat, guru-guru dan pelatih-pelatih mendaftarkan diri.

Bertindak

Pengerusi jawatankuasa itu, Encik Tang Chee Yuen berkata jawatankuasa itu akan bertindak sebagai sebuah badan pengawal sebelum sebuah badan rasmi dibentuk dengan diwakili oleh semua pertubuhan silat.

Di bawah undang-undang, semua pertubuhan seni mempertahankan diri, guru dan pelatih diwajibkan mendaftarkan diri dalam masa tiga bulan sejak ia dikuatkuasakan.

Mereka yang memohon untuk mendaftar dibenarkan bergerak sekalipun tempoh tiga bulan itu tamat minggu lepas. Mereka dibenarkan bergiat hinggalah menerima kelulusan dari Pemerintah.

Bagaimanapun, mereka yang tidak memohon untuk mendaftarkan diri dalam tempoh itu diharamkan mengadakan latihan-latihan.

Permohonan untuk mendaftarkan diri masih diterima tetapi kegiatan dalam seni itu cuma boleh diadakan semula setelah kelulusan diterima dari Pemerintah.

h...the Straits Times Press